



أونيونرسiti مليسيا فجع السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN PING PONG

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang dan peraturan Persekutuan Ping Pong Antarabangsa akan di guna pakai.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Tiap- tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 8 orang pemain bagi satu pasukan.
- 2.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 2.3 Hanya pemain pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

3. FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan dijalankan secara Berpasukan Campuran.
- 3.2 Semua pertandingan akan dijalankan secara liga kumpulan dan kalah mati.
- 3.3 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut ‘sistem giliran’. Pemain perlu mengetahui nombor perlawannya, tempat dan nombor gelanggang yang disediakan
- 3.4 Pengadil akan disediakan dari peringkat awal hingga akhir

3.5 Susunan Perlawanan.

- I. Perseorangan Lelaki
- II. Perseorangan Wanita
- III. Bergu Lelaki
- IV. Bergu Wanita
- V. Bergu Campuran

4. PERTUKARAN PEMAIN AKIBAT KECEDERAAN

- 4.1 Pemain yang mengalami kecederaan hanya boleh diganti dengan pemain yang didaftarkan dalam pasukan,dimana bila penggantian dilakukan akibat kecederaan,pemain yang digantikan DIBENARKAN bermain 2 acara.
- 4.2 Bagi proses pertukaran,pemain yang mengalami kecederaan perlu mendapat pengesahan daripada Pasukan Perubatan UMPSA di venue.

5. PAKAIAN

- 5.1 Bersesuaian dengan permainan ping-pong.
- 5.2 Warna pakaian mestilah berbeza dengan warna bola dan mendapat kelulusan pengadil.

6. KELEWATAN

- 6.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 6.2 Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan mata 11-0, 11-0, 11-0.
- 6.3 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

7. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- a. Pertandingan ini tidak boleh ditangguhkan atas permintaan mana-mana pasukan.
- 6.2 Jika sesuatu pertandingan tidak dapat dijalankan atau ditangguhkan separuh jalan kerana gangguan cuaca dan sebagainya, permainan akan disambung semula dengan kiraan mata sebelumnya.

8. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan SUKFAC dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.